



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
(Bagi Minggu 16/2015 dari 19 hingga 25 April 2015)**

Pada minggu ke 16 tahun 2015, iaitu dari 19 sehingga 25 April 2015, sejumlah 1,446 kes demam denggi telah dilaporkan di seluruh negara berbanding 1,370 kes pada minggu sebelumnya. Kumulatif kes denggi yang dilaporkan dari Januari hingga 25 April 2015 adalah 38,517 kes, berbanding hanya 28,814 kes bagi tempoh yang sama tahun 2014, peningkatan sebanyak 33.7% (9,703 kes). Manakala sebanyak 120 kematian, berbanding 66 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2014, meningkat sebanyak 54 kematian (81.8%).

Melalui pemantauan KKM bagi tempoh yang sama, sejumlah 483 lokaliti wabak yang masih aktif dilaporkan di seluruh negara iaitu 344 lokaliti di Selangor, 64 lokaliti di Perak, 23 lokaliti di Johor, 16 lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, 9 lokaliti di Sarawak, lapan (8) lokaliti di Pulau Pinang, tujuh (7) lokaliti di Negeri Sembilan dan masing-masing empat (4) lokaliti di Melaka, Pahang dan Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 79 lokaliti Hotspot yang aktif iaitu 63 lokaliti di Selangor dan 16 lokaliti di Perak.

Tren kes denggi menunjukkan penurunan bermula pertengahan Februari 2015 dan berterusan untuk tempoh 9 minggu kebelakangan ini. Walaupun begitu, terdapat sedikit peningkatan kes pada minggu lepas.

Oleh yang demikian, semua pihak sama ada agensi-agensi kerajaan, swasta, NGO serta pihak masyarakat perlu memainkan peranan yang proaktif untuk mencegah berlakunya peningkatan kes denggi. Aktiviti seperti pemusnahan tempat pembiakan Aedes setiap minggu dan gotong royong secara berkala perlu dilakukan untuk mencegah penularan virus denggi.

Di samping itu, KKM menasihatkan agar individu yang mengalami gejala dan tanda-tanda seperti demam kuat secara mengejut dan berterusan, sakit teruk pada tulang, otot, sendi, biji mata dan kepala, hilang selera makan, ruam merah pada kulit serta mengalami tanda-tanda amaran denggi seperti sakit perut, cirit birit dan muntah berterusan untuk mendapatkan rawatan segera di klinik ataupun hospital berhampiran. Rawatan awal boleh mencegah komplikasi dan kematian akibat denggi.



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

29 APRIL 2015

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 16/2015
(19 hingga 25 April 2015)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 16/2015	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 16/2014
		Minggu 16 (19 – 25 April 2015)	Minggu 15 (12 – 18 April 2015)		
1	Perlis	1	2	102 (1)	58
2	Kedah	12	16	302 (1)	222 (2)
3	P. Pinang	66	54	1,623 (5)	623 (3)
4	Perak	143	155	4,207 (10)	1,994 (6)
5	Selangor	833 (2)	738 (3)	22,557 (63)	16,297 (26)
6	WP KL & Putrajaya	102	123	2,208 (13)	2,497 (4)
7	N. Sembilan	27	33	616 (6)	1,458 (2)
8	Melaka	24	19	605 (2)	902 (3)
9	Johor	111 (1)	105	2,216 (5)	1,730 (12)
10	Pahang	27	38 (1)	908 (3)	371
11	Terengganu	11	8	438 (2)	269 (1)
12	Kelantan	23	16	594 (3)	1,633 (4)
13	Sarawak	39	34	944 (2)	360 (2)
14	Sabah	27	29	1,196 (4)	390 (1)
15	WP Labuan	0	0	1	10
	MALAYSIA	1,446 (3)	1,370 (4)	38,517 (120)	28,814 (66)

Nota: () Kematian

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 25 APRIL 2015 (Mg 16)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	188	202
2	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	150	181
3	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	78	170
4	PERAK	Kinta	Kg Baru Buntong	75	156
5	SELANGOR	Hulu Langat	Kuis	64	152
6	PERAK	Kinta	Kg Sg Tapah Tambahan	69	146
7	PERAK	Kinta	Tmn Cempaka	81	142
8	PERAK	Kinta	Bandar Lahat Baru	49	136
9	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	80	133
10	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Taming Kiri Taman Taming Jaya	26	127
11	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Kenangan	32	125
12	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Angsana Appt)	59	118
13	SELANGOR	Gombak	Tmn Rawang Perdana	31	117
14	PERAK	Kinta	Rumah Pangsa Sri Kepayang	36	113
15	PERAK	Kinta	Tmn Pertama	33	112
16	SELANGOR	Sepang	Mutiara Ville Cyberjaya	54	112
17	SELANGOR	Hulu Langat	Hostel Gmi Bangi	47	104
18	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	25	104
19	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana 4 (Flat Blok A - G)	26	104
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	93	101
21	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	57	100
22	SELANGOR	Petaling	Dun Bg Seksyen 14 Teres B : Jln 14/29 - Jln 14/49	31	97
23	SELANGOR	Gombak	Appt Desa 1	65	95

24	PERAK	Kinta	Kg Bercham	28	94
25	SELANGOR	Petaling	Pjs 9/2 - Pjs 9/30	32	92
26	SELANGOR	Sepang	The Arc Condo	22	91
27	PERAK	Kinta	Kg Manjoi	27	89
28	SELANGOR	Sepang	Taman Seroja	22	88
29	SELANGOR	Gombak	Bdr Country Home Fasa 1	30	85
30	SELANGOR	Gombak	Tmn Wangsa Permai	21	83
31	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Flat A Jln 19/15 Blok 1 - 5)	28	79
32	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana 5 (Jln Anggerik)	14	79
33	SELANGOR	Petaling	Usj 14 (Subang Perdana Goodyear Court 9)	24	73
34	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Kaw Perindustrian B : Jln 15/7 - 15/16, Jln 15/20 - 21)	16	69
35	SELANGOR	Petaling	Ss 17/2	11	68
36	SELANGOR	Gombak	Kg Sg Bakau	14	67
37	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 1 Apt Tmn Petaling Utama (Blok A - D : Jln Pjs 1/52)	13	64
38	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/4 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	9	62
39	PERAK	Kinta	Kwsn Perindustrian Tasek	18	61
40	SELANGOR	Petaling	Seksyen 2	14	61
41	SELANGOR	Petaling	Ss 17/3	16	61
42	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Subang Pelangi : Jln U5/122 - U5/136c & Jln U5/Ak, Aj, Ah & Ag)	15	57
43	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat A : Blok 1, 3, 5, 7, 9, 11, 13, 15, 17, 19)	10	55
44	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 Teres A (Jln 17/2 - 17/15)	18	52
45	SELANGOR	Petaling	Ss 19/1	8	52
46	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 4 (Jln Bk 4/1 & Sebahagian 4/2-4/4)	14	52
47	SELANGOR	Petaling	Seksyen U6 (Taman Subang Baru)	10	52
48	PERAK	Kinta	Tmn Kin Mee	9	50
49	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 49-69 Taman Bukit Mewah	11	47
50	SELANGOR	Petaling	Usj 11/3	6	47
51	PERAK	Kinta	Tmn Tasek Damai	8	45

52	PERAK	Kinta	Tmn Sri Desa	8	44
53	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (F)	6	44
54	PERAK	Kinta	Kwsn Perindustrian Silibin	13	43
55	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Cheras Jaya	17	43
56	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Cova Villa	9	42
57	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Putra Sek 1 (Jln Pp53 - Pp58)	5	40
58	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Pangsapuri Jati 2)	9	40
59	SELANGOR	Hulu Langat	Kuarters Penjara Kajang	13	39
60	SELANGOR	Petaling	Seksyen 4 (Teres B : Jln 4/4 - 4/7)	6	39
61	SELANGOR	Petaling	Seksyen U20 (Bukit Rahman Putra Teres A : Jln Brp 1/1 - Brp 1/13)	7	38
62	SELANGOR	Gombak	Tmn Ukay Bistari	4	37
63	SELANGOR	Gombak	Tmn Gombak Setia	10	37
64	SELANGOR	Petaling	Seksyen U6 (Kg Melayu Subang A : Jln Bukit Badak)	7	37
65	SELANGOR	Klang	Taman Maznah (Lrg Songket 2)	24	36
66	SELANGOR	Petaling	Du Pju 1 (1) : Kg Cempaka	5	36
67	SELANGOR	Petaling	Tmn Perindustrian Sime Uep Subang (Jln Tp)	20	36
68	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Puncak Sri Kelana Kondo	44	34
69	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10a) Blok Aa- Aq	9	34
70	SELANGOR	Hulu Selangor	Lokaliti 2 Bdr Baru Btg Kali	7	33
71	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8)	9	33
72	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Impian & Jln U5/178 - 180 & Jln Cc U5/Cc-Ce U5/Ce)	5	33
73	SELANGOR	Sepang	Apartment Dahlia	8	33
74	PERAK	Kinta	Tmn Ria	5	32
75	SELANGOR	Petaling	Kt Pju 3 Apt Bayu Puteri	4	32
76	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Puteri Kondo	10	32
77	PERAK	Kinta	Kg Nalla NV	12	32
78	SELANGOR	Gombak	Tmn Desa Jaya	4	32
79	SELANGOR	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Tempua	8	31